

**PKR Akan Buat Keputusan Malam Ini Mengenai Boikot Parlimen - Naib Presiden
PKR
Bernama
12 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Parti Keadilan Rakyat (PKR) akan mengadakan mesyuarat biro politiknya Rabu malam untuk membincangkan sama ada ia patut memboikot atau menyertai sekutunya DAP dan PAS menghadiri sesi pertama sidang Parlimen ke-13 pada 24 Jun, kata naib presiden parti N. Surendran.

Beliau berkata mesyuarat akan berlangsung di ibu pejabat parti di Petaling Jaya.

Beberapa pemimpin PKR baru-baru ini menggesa supaya pakatan pembangkang memboikot majlis angkat sumpah anggota Parlimen yang baharu sebagai membantah keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Sementara PKR menunggu untuk membuat keputusan, DAP dan PAS telah menolak cadangan boikot itu, menyatakan tiada sebarang persetujuan dicapai untuk memboikot proses angkat sumpah itu.

Sementara itu, sebuah portal berita online melaporkan Ketua Wanita PKR Zuraida Kamaruddin tidak bersetuju dengan cadangan supaya parti memboikot majlis angkat sumpah itu, kerana ia akan menghalang pakatan pembangkang daripada mewakili pengundi mereka secara efektif.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955769>